



Kedatangan Islam pernah digambarkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago* sebagai peristiwa paling penting dalam sejarah Kepulauan Melayu, iaitu Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia. Hal ini dikatakan demikian kerana Islam bukan sahaja membawa dorongan intelektual dan rasional ke setiap istana Melayu, bahkan segenap rakyat jelata turut mendepaknya. Setelah Sultan Melaka memeluk Islam menjelang tahun 1409, Melaka menjadi pusat pengajian dan perkembangan Islam yang termasyhur di seluruh Kepulauan Melayu.

Walaupun Melaka memainkan peranan yang dominan dalam pengislaman negeri-negeri di bawah lindungannya di Semenanjung Tanah Melayu dan beberapa wilayah di Sumatera pada kurun ke-15, tidak banyak yang tahu pusat rujukan untuk menelusuri perjalanan pengislaman ini, seraya menilai sendiri dampaknya kepada kehidupan masyarakat Melayu apabila bertamu ke Melaka. Dalam hal ini, Muzium Islam Melaka yang terletak di Jalan Kota, Bandar Hilir, Melaka merupakan gedung

sejarah yang menyimpan peta perjalanan itu.

Bangunan yang bercirikan reka bentuk dan seni bina Inggeris di Keluk Muzium ini pernah dijadikan Pejabat Majlis Agama Islam Melaka Lama hingga tahun 1990, sebelum dipuliharkan dan disesuaikan semula menjadi Muzium Islam oleh Kerajaan Negeri Melaka. Sesuai dengan statusnya sebagai Monumen Lama dan Tapak Tanah Bersejarah di bawah Akta Bendapurba Bilangan 168/197, penubuhan Muzium Islam Melaka bertujuan menjadikannya sebagai pusat pengumpulan, penyelidikan, pemuliharaan, dan pameran koleksi bahan yang berorientasikan Islam.

Antara matlamatnya termasuklah menggambarkan keagungan Islam sebagai *al-Din* dan kecemerlangan ketamadunannya; dan menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan berteraskan Islam bagi pelawat dan pengkaji serta mereka yang berminat untuk mendalami sejarah dan warisan peninggalan Melaka. Selain itu, penubuhan muzium ini juga bertujuan untuk memberikan gambaran sebenar peranan Melaka sebagai pusat penyebaran dan perkembangan Islam sejak Zaman



Pemandangan panorama Bukit Melaka yang kini dikenali sebagai Bukit St. Paul.

Kesultanan Melayu Melaka, serta hubungannya dengan pusat tamadun Islam di Asia Tenggara dan negara Arab, Parsi, India, dan China.

Jika reka bentuk luaran muzium ini memperagakan reka bentuk pengaruh Inggeris, reka bentuk dalamnya pula menampilkan identiti Melayu-Islam yang utuh berkonsepkan imbasan suasana kegemilangan Islam di Kepulauan Melayu, terutamanya di Melaka. Himpunan bahan yang dipamerkan bukan sahaja diperagakan dengan kaedah yang berkesan, seperti kaedah berfokus, ringkas dan nyata, bahkan ditampilkan dalam almari perhiasan yang istimewa dengan penerapan motif papan pator rumah tradisional Melayu sebagai bahan dekorasi dan sistem penapisan kesilauan.



Muzium Islam Melaka di Jalan Kota, Bandar Hilir, Melaka.

Dari aspek rupanya, motif papan pator yang digunakan adalah bersifat setempat dan diilhamkan daripada motif papan pator yang ditemukan pada rumah Melayu di Sungai Buloh, Air Molek, Melekek, dan Alor Gajah. Dari aspek maknanya pula, motif papan pator yang digunakan melambangkan konsep kerohanina dan ontologikal tertentu, iaitu pola yang mengarah ke langit


melambangkan hubungan manusia dengan Tuhan; pola yang mengarah ke bumi melambangkan hubungan sesama manusia; dan pola yang berpusar melambangkan hubungan manusia dengan alam. Kedua-dua aspek rupa dan makna yang diterapkan pada setiap almari perhiasan dapatlah diteliti dan dihayati di semua lapan ruang pameran bertema yang terdapat di muzium ini.

Ruang pameran pertama yang bertemakan "Pengertian Islam" digunakan sepenuhnya bagi tujuan pengenalan kepada intipati Muzium Islam Melaka. Tidak hairanlah replika berukuran besar al-Quran pertama bertulisan tangan yang memperagakan halaman yang berhubung dengan asas penurunan Islam dan kebebasan beragama dijadikan bahan pameran utama di ruang pameran ini. Turut diulas Rukun Islam yang menjadi teras hidup penganutnya beserta hikmah dan kepentingannya.



Motif papan pator yang ditemukan pada rumah tradisional Melayu di Air Molek, Melaka digunakan sebagai perhiasan di ruang pameran.

Ruang pameran kedua yang bertemakan "Cara Hidup Islam" pula memfokuskan dampak Islam sebagai *al-Din* yang merangkumi hakikat penciptaan insan dan perjalanannya dari alam dunia menuju ke alam barzakh. Turut diterangkan



Replika Batu Bersurat Terengganu yang dipamerkan di bahagian luar ruang pameran kedua.

Rukun Iman yang menjadi panduan hidup penganutnya dan kepentingannya. Antara bahan bersejarah penting yang perlu diteliti di sini termasuklah replika Batu Bersurat Terengganu yang dipamerkan di bahagian luar ruang pameran. Batu yang dijumpai separuh terbenam di tebing sungai Tersat di Kuala Berang pada tahun 1902 ini bukan sahaja memperlihatkan dampak pengislaman di Terengganu pada kurun ke-14 terhadap bahasa Melayu dan tulisan Jawi, malah kedatangan Islam ke Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu itu turut merubah hal ehwal undang-undang perihal maksiat dan kemungkaran setelah Islam menjadi agama rasmi pada tahun 1303.



Beduk asal Masjid Kampung Keling yang dipamerkan di tingkat atas ruang pameran keempat.

Ruang pameran ketiga yang bertemakan "Tamadun Islam 1" memperagakan koleksi bahan seperti naskhah al-Quran, kitab Jawi, wang syiling serta gambar dan replika masjid tradisional di Melaka. Selanjutnya, ruang pameran keempat yang bertemakan "Tamadun Islam 2" pula memperagakan koleksi bahan berupa senjata, cap mohor, porselin, mimbar masjid tradisional, dan sebagainya. Antara bahan bersejarah penting yang perlu diteliti di sini termasuklah beduk asal Masjid Kampung Keling yang dipamerkan di tingkat atas ruang pameran.

Antara matlamatnya termasuklah menggambarkan keagungan Islam sebagai *al-Din* dan kecemerlangan ketamadunannya; dan menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan berteraskan Islam bagi pelawat dan pengkaji serta mereka yang berminat untuk mendalami sejarah dan warisan peninggalan Melaka.

Beduk yang biasanya diperbuat daripada bingkai kayu batang pokok kayu keras yang ditebuk seperti merbau atau cengal ini bukan sahaja terus dipalu untuk memberikan isyarat masuknya waktu sembahyang dan selepas pensyariatan laungan azan, bahkan turut digunakan sebagai tanda masuknya waktu iftar dan sahur, selain kecemasan atau kemalangan di sesebuah kampung.

Perjalanan melampaui empat ruang pameran di tingkat bawah diteruskan lagi ke ruang pameran kelima di tingkat atas yang bertemakan "Islam di Zaman Kesultanan Melayu Melaka." Suasana kemelayuan dan keislaman yang terserlah menerusi reka letak dan perhiasan yang indah berpadanan dengan peranan ruang pameran ini. Hal ini bertujuan untuk memperlihatkan kedudukan Melaka sebagai pusat penyebaran dan perkembangan Islam, kerajaan lain sebelum penubuhannya dan selepas kejatuhannya kepada penjajah, dan kepentingan Melaka dari segi pengembangan ilmu yang menjadi perhatian Timur dan Barat.

Hal ini dinyatakan melalui aneka lukisan lama dan bahu yang mencitrakan ragam suasana zamah pengislaman di Melaka. Antara bahan bersejarah penting yang perlu diteliti di sini termasuklah lukisan yang menggambarkan perarakan Sultan Melaka menaiki gajah untuk mempelajari Islam dan mengaji di Masjid Agung Melaka. Citra peristiwa ini membuktikan bahawa Islam bukan sahaja merubah rupa kebudayaan Melayu lewat pembinaan rumah ibadat, seperti masjid dan surau, malah turut sama merubah jiwa peribadi Kesultanan Melaka untuk mendalami dan mengamalkan ajaran Islam. Hal ini dapat dilihat apabila Sultan Muhammad Syah menghidupkan malam-malam Ramadan baginda dengan mencemar duli menunaikan solat tarawih bersama-sama rakyat jelata di Masjid Agung Melaka dan



Lukisan yang menggambarkan perarakan Sultan Melaka menaiki gajah untuk mempelajari Islam dan mengaji di Masjid Agung Melaka.


Sultan Mahmud Syah berkenan mencemar duli berangkat ke rumah Maulana Yusuf bagi mempelajari ilmu Fiqh.

Ruang pameran keenam yang bertemakan "Islam di Zaman Penjajahan" menonjolkan perjuangan para mujahid dan mujaddid Islam semenjak zaman Portugis, Belanda, Inggeris, dan Jepun di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, dan dampaknya kepada kehidupan masyarakat Melayu-Muslim menerusi pelbagai lukisan lama dan baharu serta beberapa artifak yang berkaitan. Ruang pameran ketujuh yang bertemakan "Islam Semasa Kemerdekaan dan Masa Kini" pula mengikhtisarkan perkembangan Islam selepas Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, khususnya di Melaka. Perkembangan ini termasuklah dari aspek politik, ekonomi, sosial, pendidikan, kebudayaan, dan lain-lain.

Peranan badan lain yang ditubuhkan bagi membela dan memajukan Islam dan para penganutnya, seperti Majlis Agama Islam Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka, dan Pusat Zakat Melaka, turut dipamerkan. Lokasi ruang pameran ini yang terletak di serambi belakang bangunan muzium bukan sahaja menjadikannya lebih telap berbanding dengan ruang-ruang pameran sebelumnya, malahan lebih istimewa lagi perjalanan pengislaman yang ditelusuri diselang-selikan dengan panorama pilu Bukit Melaka, dan kini dikenali sebagai Bukit St. Paul, yang pernah dimahkotakan dengan istana Sultan Melaka lebih separuh alfu yang lalu.

Ruang pameran kelapan yang bertemakan "Islam dan Peristiwa di Zaman Rasulullah" menyudahi perjalanan pengislaman Semenanjung Tanah Melayu dengan meninjau beberapa peristiwa dan tempat penting dalam sejarah Islam, terutamanya yang tercetus di Semenanjung Tanah Arab. Antaranya termasuklah peristiwa Hijrah, Perang Badar, Perang Uhud, Pembukaan Semula Kota Mekah, Perjanjian Hudaibiyah dan sebagainya, melalui aneka lukisan lama dan baharu serta beberapa peta yang telah dilukis semula.

Antara bahan bersejarah penting yang perlu diteliti di sini



Replika pedang *Dhu'l-Faqar* yang dipamerkan di ruang pameran kelapan.

termasuklah replika pedang *Dhu'l-Faqar* kepunyaan junjungan besar Nabi Muhammad SAW, yang dinamakan sedemikian kerana matanya yang bercabang dua. Dalam konteks pengislaman Semenanjung Tanah Melayu, pedang yang diperbuat daripada perak dan bertatahkan emas yang kemudiannya diwariskan kepada Sang Pintu Gerbang Kota Ilmu, iaitu Saidina Ali bin Abi Talib RA, ini merupakan lambang setimbang hakikat Islam yang mercup berkembang di sini melalui mata pena dan amal soleh para pembawanya.

Laksana manikam bercahaya, Muzium Islam Melaka sesungguhnya merupakan antara gedung sejarah yang berharga di negeri ini dan sewajarnya dikunjungi oleh para pengkaji dan sekalian masyarakat madani. Meskipun ruang pameran yang terdapat di muzium ini sarat dengan replika artifak dan aneka lukisan, makna pada setiap bahan yang dipamerkan lebih penting untuk diteliti berbanding dengan rupanya bagi memantapkan kefahaman terhadap pandangan alam masyarakat Melayu silam. Hal ini dikatakan demikian kerana merupakan prasyarat utama bagi memahami pengislaman Semenanjung Tanah Melayu dan dampaknya terhadap kehidupan komuniti Melayu-Muslim. 